

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN
PUSAT TADBIR URUS & INTEGRITI FAKULTI PENGURUSAN INDUSTRI
(FIM'S GOVERNANCE & INTEGRITY CENTRE – FGIC)
SERTA
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DAN YAYASAN PAHANG,
UNIVERSITAS TEKNOLOGI YOGYAKARTA, UNIVERSITAS PADJAJARAN
DAN BINUS UNIVERSITY
PADA HARI JUMAAT, 15 JULAI 2016, PUKUL 2:30 PETANG
DI DEWAN BANKUET, BANGUNAN CANSELERI, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob,

Menteri Besar Pahang;

Yang Berhormat Dato' Sri Muhammad Safian Ismail,

Setiausaha Kerajaan Pahang;

Yang Hormat Dato' Mahmud Mohd Nawawi,

Pengurus Besar Yayasan Pahang;

Bapak Bahagia Tarigan,
Wakil Rektor Bidang Akademik dan Kemahasiswaan,
Universitas Teknologi Yogyakarta;

Bapak Dr. Arry Bainus,
Wakil Rektor Bidang Akademik dan Kemahasiswaan,
Universitas Padjajaran;

Dr. Iman Herwidiana Kartowisastro,
Wakil Rektor Pembangunan Akademik,
Binus University;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);
Pegawai-pegawai Utama;

Dr. Mohd Ridzuan Darun,
Dekan Fakulti Pengurusan Industri;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam majlis pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan selamat datang dan mengalu-alukan tetamu sekalian atas kehadiran anda, khususnya kepada tetamu kehormat kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang atas kesudian beliau menyempurnakan majlis pada petang ini.
3. Dalam konteks kewujudannya sebagai sebuah Universiti Awam, UMP kini dicabar dengan dua realiti utama. Cabaran pertama ialah memartabatkan tadbir urus cemerlang yang berintegriti sejajar dengan taraf autonomi yang dimilikinya. Cabaran kedua pula ialah pengembangan jaringan kolaborasinya dengan rakan strategik yang berkredibiliti sama ada di dalam atau di luar Malaysia secara terancang, terarah dan lestari.

4. Kedua-dua cabaran tersebut mendasari tujuan dan maksud acara pada petang ini. Dalam kesederhanaannya, majlis pada hari ini merintis rangkaian peluang baharu untuk diterokai UMP melalui pelancaran Pusat Tadbir Urus & Integriti Fakulti Pengurusan Industri (*FIM's Governance & Integrity Centre – FGIC*).
5. Seterusnya, UMP akan turut memetriai memorandum persefahaman dengan Yayasan Pahang dan tiga buah universiti dari Republik Indonesia selaku rakan strategik terkini Universiti ini. Suka saya menyatakan bahawa kedua-dua langkah yang dirintis tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif pihak pengurusan bagi mengisi tuntutan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

FGIC – MENERAJUI KAJIAN DASAR DAN STRATEGIK

6. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, tuan-tuan dan puan-puan,

Kita akur dengan hakikat bahawa kecemerlangan pencapaian sesebuah organisasi atau institusi mampu direalisasikan sekiranya isu-isu pokok yang melibatkan tadbir urus, etika, integriti dan ketelusan ditangani dengan cekap dan berkesan oleh semua pihak berkepentingan dan pemegang taruh yang terlibat.

7. Isu-isu pokok tersebut sentiasa relevan sifatnya dalam apa jua ekosistem organisasi berkenaan. Dalam konteks sektor awam, hal ini berkait rapat dengan sistem pemerintahan sesebuah negara, negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi, jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan. Manakala dalam konteks sektor swasta pula, ini merupakan tuntutan lazim dalam setiap syarikat dan badan korporat tanpa mengira jenis dan saiznya.

8. Kita amat menghargai komitmen tinggi kepimpinan kerajaan untuk memartabatkan budaya kerja yang berpaksikan integriti, etika dan tadbir urus cemerlang bagi memacu Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menurut acuannya sendiri.
9. Kempen Bersih, Cekap, Amanah pada tahun 1981, pengwujudan Pelan Integriti Nasional pada tahun 2005, penubuhan Institut Integriti Malaysia pada tahun 2006 dan penggubalan *Malaysian Code of Corporate Governance* pada tahun 2012 hanyalah merupakan beberapa contoh daripada pelbagai inisiatif kerajaan untuk memperkasa agenda tadbir urus berintegriti dan beretika di negara ini.
10. Menyedari bahawa tanggungjawab ini tidak harus dipikul oleh kerajaan semata-mata, maka pihak pengurusan UMP melihat bahawa kepakaran akademik dan keupayaan bakat di sini, boleh turut dimanfaatkan bagi tujuan pengembangan kegiatan intelektual berhubung kajian dasar, governan, etika dan regulatori.

11. Keunikan komposisi ahli akademik dengan latar belakang multidisiplinari di Fakulti Pengurusan Industri (FIM) menjadikan fakulti tersebut sebagai 'rumah' yang ideal untuk menempatkan FGIC.
12. Pihak pengurusan UMP meyakini bahawa kepelbagaian latar belakang akademik staf FIM seperti pengurusan, perakaunan, kewangan, ekonomi, sains gunaan, undang-undang dan kejuruteraan merupakan satu kelebihan bagi membolehkan kajian interdisiplinari berkaitan tadbir urus dan integriti dilaksanakan melalui platform FGIC.
13. Oleh yang demikian, sasaran telah ditetapkan untuk FGIC menerajui kegiatan ilmiah dan perundingan berkaitan tadbir urus dan integriti sama ada yang bersifat tempat atau antarabangsa. Justeru, sasaran output FGIC bakal meliputi tiga kategori utama iaitu pertama, penjanaan pengetahuan; kedua, penyebaran dan perkongsian pengetahuan; dan ketiga, pusat repositori.

14. Bagi menentukan bahawa FGIC berfungsi dan berperanan dalam kerangka strategik yang terarah, maka sembilan objektif telah ditetapkan oleh pihak pengurusan UMP bagi mendasari penubuhan pusat ini iaitu:

Pertama, menjalankan kajian mengenai isu-isu berkaitan governan dan integriti;

Kedua, menyediakan platform perhubungan antara industri dan akademia untuk membincangkan isu-isu berkaitan tadbir urus dan integriti;

Ketiga, melaksanakan program latihan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan awam terhadap isu berkaitan tadbir urus dan integriti;

Keempat, membangunkan dan menerbitkan kajian kes daripada projek penyelidikan yang dijalankan bagi maksud pengajaran dan latihan;

Kelima, menghimpunkan tenaga pakar dari akademia dan industri dalam konteks pewacanaan dan penyelidikan isu-isu tersebut;

Keenam, menerbitkan laporan dan buletin berdasarkan penyelidikan yang dijalankan bagi manfaat awam;

Ketujuh, menyediakan pusat sumber dan rujukan bagi isu-isu tadbir urus, integriti dan audit;

Kelapan, mengeluarkan cadangan penyelidikan untuk dibiayai dengan geran awam atau swasta; dan

Kesembilan, menjadi saluran perhubungan antara fakulti, badan-badan profesional dan para pakar dalam bidang tadbir urus dan integriti.

15. Dengan niat murni dan hasrat yang menggunung tersebut, tentu sekali FGIC memerlukan sokongan moral dan dana bagi membolehkannya beroperasi dengan lancar pada peringkat permulaan ini.

16. Sehubungan dengan itu, saya dan pihak pengurusan UMP amat sukacita dengan pertimbangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja selaku Pengerusi Yayasan Pahang bagi meluluskan permohonan peruntukan sebanyak RM 65,000.00 yang meliputi dana permulaan (*seed money*) FGIC berjumlah RM 15,000.00 dengan tambahan RM 50,000.00 sebagaimana yang telah dipohon sebelum ini.

17. Dengan sokongan tersebut dan kehadiran Yayasan Pahang selaku penaja utama dan panel penasihat FGIC, maka InsyaAllah pelbagai projek dan aktiviti dapat direncana pada peringkat awal ini untuk mempromosikan Pusat ini. Malah, satu forum yang bertajuk *Corporate Governance in Malaysia, Eight Years After – Where Are We Heading?* telah dianjurkan pada sebelah pagi tadi dengan kerjasama *Malaysia Institute of Corporate Governance* (MIGG) sebagai prelude kepada majlis pelancaran ini.

KOLABORASI GLOBAL – KOMITMEN BERTERUSAN

18. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, tuan-tuan dan puan-puan,

Selain memorandum persefahaman bersama Yayasan Pahang, tiga lagi kolaborasi yang bakal dimuktamadkan dalam majlis ini melibatkan Universitas Teknologi Yogyakarta, Universitas Padjajaran dan *Binus University* di Republik Indonesia.

19. Ketiga-tiga MoU tersebut merupakan inisiatif strategik UMP untuk mengembangkan capaian program akademiknya dengan melalui platform Kuliah Pembelajaran Global (*Global Classroom*) serta penawaran program Doktor Falsafah (PhD) UMP di ketiga-tiga Universiti tersebut.

20. Memandang ke hadapan, pihak pengurusan UMP meyakini bahawa Universiti harus berani meneroka peluang baharu yang melewati pasaran tradisionalnya yang sedia ada di Malaysia bagi mengembangkan jenamanya. Melalui kolaborasi serantau dan global dengan institusi-institusi yang berkredibiliti sebagai rakan strategiknya, maka program akademik yang ditawarkan di sini mampu diantarabangsakan melalui kaedah yang inovatif dan kreatif.

KATA PENUTUP

21. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya merakamkan sekalung penghargaan kepada semua tetamu atas kehadiran dan sokongan mereka serta tahniah kepada warga Fakulti Pengurusan Industri atas kejayaan pelancaran FGIC pada petang ini.

22. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmateliharaan-Nya kepada kita semua dengan naungan kecemerlangan, kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran, *Ameen*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.